KENYATAAN MEDIA

TIMBALAN PERDANA MENTERI

SETAHUN KEB 2024 - MEMACU TRANSFORMASI EKONOMI BUMIPUTERA KE ARAH MASA DEPAN DINAMIK DAN MAMPAN

01 Mac 2023 – Hari ini genap setahun Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) 2024 yang telah diadakan pada 29 Februari hingga 2 Mac 2024 menyaksikan terbentuknya hala tuju dan pendekatan baharu yang akan menambah baik agenda pembangunan Bumiputera secara lebih menyeluruh bagi mengangkat darjat dan martabat Bumiputera ke tahap yang lebih tinggi.

Sebagai kesinambungan daripada kongres tersebut, Kerajaan telah melancarkan **Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35)** pada 19 Ogos 2024, sebagai satu kerangka tindakan holistik untuk memperkukuh ekonomi Bumiputera dalam tempoh 10 tahun akan datang. Pelan ini dibangunkan berlandaskan **tiga matlamat utama**:

1. **Membangunkan Bumiputera yang dinamik dan futuristik**, berdaya tahan dalam mendepani cabaran semasa dan masa hadapan.
2. **Menetapkan sasaran yang lebih jelas** dalam pengukuran tahap penyertaan, pemilikan, dan penguasaan ekonomi Bumiputera secara lebih bermakna.
3. **Membangunkan mekanisme pemantauan yang berkesan**, dengan penetapan pihak bertanggungjawab dalam pelaksanaan setiap inisiatif.

Justeru, bagi mencapai objektif yang digariskan, **PuTERA35** menetapkan beberapa **sasaran utama** bagi Bumiputera menjelang 2035:

- Penyertaan dalam pekerjaan mahir meningkat kepada 70 peratus.
- Pemilikan ekuiti individu dan agensi mandat mencapai 30 peratus.
- Penguasaan dalam ekuiti GLC dan GLIC mencapai 20 peratus.
- Sebanyak 97 peratus graduan Bumiputera mendapat pekerjaan.
- Penghapusan kemiskinan tegar dalam kalangan Bumiputera.

- Peningkatan nisbah gaji dan pendapatan isi rumah Bumiputera.
- Pemilikan rumah dalam kalangan Bumiputera meningkat kepada 75 peratus.
- Sumbangan perusahaan Bumiputera kepada KDNK mencapai 15 peratus; dan
- Jurang pendapatan antara Bumiputera dan kaum lain dikurangkan.

Kejayaan PuTERA35 bergantung kepada pelaksanaan strategi yang komprehensif yang berteraskan kepada tiga elemen utama iaitu penyertaan, pemilikan, dan penguasaan Bumiputera dalam ekonomi negara. Penyertaan Bumiputera akan diperkukuhkan melalui peningkatan kemahiran dan pendidikan berkualiti tinggi, dengan memastikan golongan ini menguasai bidang berkemahiran tinggi serta teknologi terkini bagi bersaing di peringkat global.

Pemilikan ekonomi pula akan dipertingkatkan dengan penyediaan pembiayaan perniagaan dan insentif pelaburan yang kondusif - membolehkan lebih banyak syarikat Bumiputera berkembang dengan kukuh dan mampan. Dalam aspek penguasaan ekonomi, usaha akan ditumpukan kepada pemerkasaan mobiliti sosial bagi memastikan akses kepada peluang pekerjaan berkualiti tinggi, selain memperkukuh ekosistem ekonomi Bumiputera melalui dasar yang lebih proaktif serta sokongan berterusan daripada agensi berkaitan.

Bagi memastikan pelaksanaan mencapai keberhasilannya, **Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB)** akan menjalankan pemantauan menyeluruh dengan laporan berkala dan sistematik. **Kementerian Ekonomi, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), dan Majlis Amanah Rakyat (MARA)** akan bertindak sebagai sekretariat bersama bagi menjamin keberkesanan setiap inisiatif.

Melalui pendekatan yang lebih tersusun dan berasaskan resolusi KEB 2024, **PuTERA35 akan menjadi pemacu utama dalam transformasi ekonomi Bumiputera**. Kejayaan pelan ini bakal mencorakkan masa depan negara yang lebih **inklusif, mampan, dan berdaya saing**.

Semoga dengan komitmen yang tinggi daripada semua pihak, ini bukan sahaja akan melihat Bumiputera maju ke hadapan tetapi juga memastikan Malaysia terus berkembang sebagai sebuah negara yang makmur dan progresif.

AHMAD ZAHID HAMIDI

Timbalan Perdana Menteri

Pengerusi Bersama Kongres Ekonomi Bumiputera 2024

1 MAC 2025